

MAHATHIR-DAKWAH
EMBARGO: UNTUK SIARAN SELEPAS PUKUL 10.00 MALAM INI - 30 JUN
1977

PETALING JAYA, 30 JUN (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MENINGATKAN RAKYAT TENTANG ADANYA GOLONGAN YANG BERKEDUDUKAN ISTIMEWA DALAM MASYARAKAT YANG MELIHAT USAHA DAKWAH SEBAGAI PELUANG POLITIK.

KATANYA, MEREKA YANG DIDORONG OLEH KEPENTINGAN SERUPA ITU AKAN MENGGUNAKAN TAFSIRAN DAN AJARAN AGAMA UNTUK MENDAPAT PENGARUH BAGI DIRI SENDIRI.

TIMBALAN PERDANA MENTERI MENEGASKAN BAHAWA PENYALAHGUNAAN PELUANG DAN KEDUDUKAN SEPERTI ITU BUKAN SAHAJA BERTENTANGAN DENGAN ISLAM TETAPI JUGA MENIMBULKAN KEADAAN DAN FAHAMAN YANG TIDAK SIHAT DI KALANGAN MASYARAKAT.

DR. MAHATHIR YANG JUGA MENTERI PELAJARAN MENYATAKAN DEMIKIAN DI MAJLIS MAKAN MALAM TAHUNAN FAKULTI PENGAJIAN ISLAM, UNIVERSITI KEBANGSAAN DI SINI MALAM INI. UCAPANNYA DIBACAKAN OLEH TIMBALAN MENTERI PELAJARAN, HAJI SALLEH JAFARUDDIN.

AGAMA YANG DICAMPURADUKKAN DENGAN POLITIK AKAN MENGELIRU DAN MEROSAKKAN MASYARAKAT SERTA MELEMAHKAN KEPERCAYAAN, KATANYA. --
BERSAMBUNG 1744/A1

xx
B610:

MAHATHIR-DAKWAH 2 PETALING JAYA

BELIAU YAKIN PERKEMBANGAN AJARAN AGAMA ISLAM SECARA MELUAS MENERUSI DAKWAH DAPAT MEMBANTU KERAJAAN SECARA TIDAK LANGSUNG. MEMBENTERAS KEGIATAN HARAM DAN MAKSİYAT YANG TIDAK DAPAT DIHAPUSKAN OLEH UNDANG-UNDANG SEMATA-MATA.

+MALANGNYA SEPERTI BIASA SESUATU KEGIATAN YANG MENARIK MENJADI TUMPUAN BUKAN SAHAJA BAGI MEREKA YANG BENAR DAN IKHLAS TETAPI JUGA MEREKA YANG Mencari PELUANG BAGI DIRI SENDIRI,+ KATANYA.

BELIAU JUGA MEMBIDAS ORANG-ORANG YANG CETEK PENGETAHUAN AGAMA MEREKA YANG BERLELUASA PULA BERDAKWAH DENGAN MENUMPUKAN PERHATIAN KEPADA APA YANG BOLEH DIJADIKAN SIMBOL ISLAM DARI AJARAN YANG SEBENARNYA.

+HASIL DARI KEGIATAN YANG DIKATAKAN DAKWAH SEPERTI INI TALAH PERPECAHAN DAN PERPISAHAN ANTARA ORANG ISLAM SEHINGGA PERPUAK-PUAK, MASING-MASING DENGAN SIMBOL-SIMBOL MASING DAN ADAT RESAM YANG TERSENDIRI.+

DR. MAHATHIR JUGA MENINGATKAN GOLONGAN YANG BERKEDUDUKAN ISTIMEWA DALAM MASYARAKAT JANGAN PULA MEMANDANG MINAT MENDAKWAH DAN KESANGGUPAN ORANG ISLAM MENDENGAR SERUAN SEBAGAI SATU PELUANG UNTUK MENDAPAT PENGARUH. -- BERSAMBUNG 1749/A1

xx

B611:

MAHATHIR - DAKWAH 3 PETALING JAYA

BELIAU MENSIFATKAN KAUM GURU, TERUTAMA GURU AGAMA SEBAGAI SATU KUMPULAN YANG PENTING DALAM KEGIATAN DAKWAH YANG BENAR.

MEREKA, KATANYA, BOLEH MEMBENTUK KEPERCAYAAN BAHKAN PERIBADI MURID MEREKA SECARA BERKEKALAN.

+JUGA SEBAGAI GURU, LEBIH-LEBIH LAGI GURU AGAMA, MEREKA MEMPUYAI KEDUDUKAN YANG ISTIMEWA DALAM MASYARAKAT,+ KATA DR. MAHATHIR.

BELIAU JUGA MENYENTUH TENTANG SIKAP NEGATIF YANG DITUNJUKKAN OLEH SEBAHAGIAN BESAR UMAT ISLAM TERHADAP PENGAJIAN ISLAM.

MISALNYA, TAMBAHNYA, SEBAGAI ORANG ISLAM MEREKA PERLU MEMPELAKSUKAN HUKUM-HUKUM ISLAM TANPA MENUNGGU PERINTAH DARI SESIAPA.

+TETAPI RAMAI YANG MENUMPUKAN PERHATIAN KEPADA SOAL PERINTAH.

APABILA TIDAK ADA PERINTAH KITA JADIKANNYA SEBAGAI ISSUE.+

MENURUTNYA, APA YANG DIPERLUKAN TALAH SERUAN -- SERUAN DARI MEREKA YANG TELAH SEDAR KERANA ITU ADALAH LEBIH BERKESAN DARI PAKSAAN. -- BERSAMBUNG 1752/A1

512:

MAHATHIR - DAKWAH 4 PETALING JAYA

TIMBALAN PERDANA MENTERI MENAMBAH, MASYARAKAT YANG MEMBUAT BAIK CUMA BILA DIPAKSA, TIDAK AKAN KEKAL DENGAN KEBAIKANNYA, SEBALIKNYA MASYARAKAT YANG BAIK KERANA PERCAYA KEPADA KEBAIKAN AKAN KEKAL DENGAN SIFAT TERSEBUT.

MENGENAI PENGAJIAN ISLAM DI PUSAT-PUSAT PENGAJIAN TINGGI, DR. MAHATHIR BERKATA, KEMENTERIAN PELAJARAN SETAKAT INI TIDAK BER-CADANG MEMAKSAKAN PENGAJIAN ITU KE ATAS SISWA-SISWINYA BERDASARKAN KEPERCAYAAN YAYASAN-YAYASAN TERSEBUT, BERTANGGUNGJAWAB DAN SEDAR TENTANG PENTINGNYA PELAJARAN AGAMA.

BAGAIMANAPUN KEMENTERIAN TERSEBUT, MENGALU-NGALUKAN SEKIRANYA SEMUA PENGAJIAN TINGGI DI NEGARA INI MENAWARKAN KURSUS PENGAJIAN ISLAM KEPADA PELAJAR YANG BERAGAMA ISLAM DEMI UNTUK MENSESUAIKAN MEREKA DENGAN KEHENDAK-KEHENDAK KERAJAAN DAN NEGARA. -- BERNAMA 1755/A1